

45,054 calon dapat semua A

Metro 20/11/12 MS 12

>>Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my

Pencapaian Calon UPSR dari 2009 hingga 2012

Pencapaian Calon	2009	2010	2011	2012	Beza 2012/2011
Bilangan menduduki	506,620	482,334	485,160	503,928	18,768
Cemerlang (Semua A)	48,171 9.51%	48,327 10.02%	46,012 9.48%	45,054 8.94%	-958 -0.54%
Baik (Minimum C tidak termasuk semua A)	271,165 53.52%	262,278 54.38%	269,021 55.45%	286,930 56.94%	17,909 1.49%
Di bawah tahap penguasaan minimum (semua D/E atau kombinasi kedua-duanya)	20,216 3.99%	16,334 3.39%	13,958 2.88%	17,251 3.42%	3,293 0.54%
lain-lain kombinasi	167,068 32.98%	155,395 32.22%	156,169 32.19%	154,693 30.70%	-1,476 -1.49%
Gred Purata Nasional	2.33	2.31	2.30	2.31	0.01

PUTRAJAYA: Seramai 45,054 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini mendapat keputusan Cemerlang (5A), berbanding 46,012 calon tahun lalu dan angka itu menunjukkan penurunan 0.54 peratus.

Pencapaian Gred Purata Nasional (GPN) keseluruhan calon UPSR tahun ini juga menurun 0.01 mata, daripada 2.30 mata tahun lalu kepada 2.31 mata tahun ini.

Bagaimanapun, peratusan calon yang mendapat pencapaian semua mata pelajaran di bawah tahap pencapaian minimum meningkat 0.54 peratus iaitu daripada 2.88 peratus pada 2011 kepada 3.42 peratus tahun ini.

Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan Malaysia, Dr Na'imah Ishak berkata, kajian terperinci akan dilakukan Pejabat Pelajaran Negeri dan sekolah untuk meneliti penurunan pencapaian UPSR tahun ini.

"Lembaga Peperiksaan hanya mengeluarkan analisis keputusan, tetapi jika ingin mengetahui sebab atau punca penurunan atau sesetengah mata pelajaran meningkat satu kajian terperinci perlu dibuat di peringkat negeri atau sekolah. Itu terpulang kepada pihak yang dipertanggungjawabkan untuk membuat kajian itu.

"Biasanya mereka akan me-

ngambil tindakan sewajarnya supaya sekolah membuat penambahbaikan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P), sekali gus menambah prestasi sekolah masing-masing," katanya pada sidang media mengumumkan analisis keputusan UPSR 2012, di sini, semalam.

Seramai 517,139 calon menduduki peperiksaan UPSR yang dijalankan serentak di seluruh negara pada 11 hingga 13 September lalu.

Na'imah berkata, pencapaian calon cemerlang semua A di bandar dan luar bandar tahun ini turut mengalami penurunan masing-masing sebanyak 0.45 peratus dan 0.41 peratus.

Namun, katanya peratusan calon yang mendapat pencapaian baik di bandar dan

luar bandar, meningkat sebanyak 1.81 peratus dan 1.25 peratus.

Menurutnya, ini menunjukkan peningkatan pencapaian baik bagi calon di bandar lebih tinggi berbanding luar bandar iaitu 0.56 peratus.

"Pada tahun ini, peratusan calon yang mendapat semua mata pelajaran di bawah tahap penguasaan minimum berjaya dikurangkan, terutama di luar bandar dengan pengurangan 0.86 peratus berbanding bandar 0.20 peratus.

"Penurunan peratusan ini menunjukkan peningkatan tahap penguasaan minimum calon luar bandar lebih baik berbanding calon bandar dengan beza 0.66 peratus," katanya.

Menurutnya, pencapaian calon secara keseluruhan

bandar dapat dilihat meningkat melalui nilai GPN sebanyak 0.01 mata manakala calon luar bandar pula pencapaian keseluruhan di antara calon bandar dan luar bandar sebanyak 0.04 mata GPN.

Beliau berkata, peratusan calon berkeperluan khas yang mendapat keputusan cemerlang semua A meningkat daripada 17 calon kepada 25 calon tahun ini dengan peningkatan sebanyak 0.15 peratus yang terdiri daripada tiga calon buta, tujuh calon rabun dan 15 calon lain-lain kecacatan.

HM e-Paper



Untuk paparan video sila layari
subscription.nstp.com.my